

## ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti kesilapan tatabahasa dalam penulisan karangan Bahasa Melayu pelajar tingkatan lima. Tiga jenis kesilapan penggunaan kata telah dikaji iaitu kesilapan penggunaan kata pemeris, kata sendi *di*, dan kata jamak. Kesilapan ini dikaji berdasarkan penulisan karangan oleh 30 orang pelajar tingkatan lima Sekolah Menengah Kebangsaan Guar Chempedak, 08800 Guar Chempedak, Kedah Darul Aman. Data dianalisis dengan menggunakan statistik deskriptif untuk mendapatkan kekerapan dan peratusan kesilapan.

Dapatan kajian menunjukkan sejumlah 279 kesilapan tatabahasa yang berkaitan dengan penggunaan kata (kata pemeris, kata sendi *di*, dan kata jamak) telah dilakukan. Daripada jumlah tersebut, kesilapan penggunaan kata sendi *di* merupakan kesilapan yang paling serius, diikuti kesilapan penggunaan kata jamak, dan kata pemeris. Pelbagai faktor telah dikenal pasti sebagai punca berlakunya kesilapan tersebut. Faktor-faktor tersebut ialah kelemahan pelajar, guru, dan Kementerian Pendidikan.

Disertasi ini ditulis dalam lima bab. Pernyataan masalah, objektif, kepentingan, dan batasan kajian dibincangkan dalam bab satu. Penggolongan kata, contoh-contoh kesalahan tatabahasa, konsep analisis kesilapan, dan kajian-kajian kerabat pula dibincangkan dalam bab dua. Perbincangan dalam bab seterusnya adalah

tentang metodologi kajian. Perbincangan dalam bab ini merangkumi kajian awal, pemilihan sampel, reka bentuk kajian, penggolongan kata, dan cara analisis dilakukan. Penganalisan data, huraian tentang kesilapan, dan punca-punca berlakunya kesilapan dibincangkan dalam bab empat. Disertasi ini berakhir dengan bab lima. Rumusan kajian, cadangan untuk mengatasi kelemahan penguasaan tatabahasa, ciri-ciri karangan yang cemerlang, dan cadangan kajian lanjutan terangkum dalam bab ini.

### ABSTRACT

This survey is mainly done for identifying the grammatical errors in Malay Language essay writing of form five students. It focuses on the wrong usage of three kinds of grammatical items; subject-verb-agreement, conjunction and pluralization. A total of 30 form five students from Guar Chempedak Secondary School participated in this survey. The data are analysed by using the descriptive statistic to find out the frequency and the percentage of the errors found in the essays.

The finding indicates that a number of 279 grammatical errors (subject-verb-agreement, conjunction and pluralization) are done by the students. The most significant error is the wrong usage of conjunction, follows by the wrong usage of pluralization and subject-verb-agreement. Various factors have been identified as the causes of the error : the weaknesses of students, teachers and as well as the Ministry of Education.

This dissertation is divided to 5 chapters. In the first chapter, the problems, the objectives, the importance and the limitation of the survey are discussed. While, word classification, the examples of grammatical error, the concept of error analyses and the literature review are discussed in chapter 2. In the preceeding chapter that is chapter 3, the discussion includes the methodology of the survey,

the pilot study, the selection of samples, the design of the survey, the experimental and analytical procedures. The data analyses, the interpretation of error and their causes are discussed in chapter 4. Finally, the dissertation ends with chapter 5 which discusses about the summary of the survey, the recommendation in overcoming the weaknesses in grammar, the characteristic of an excellent essay and suggestions for future survey.